

BULETIN
SUK
PERAK

BIL.3/2021

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak



DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK,

Zahir Penghargaan

PETUGAS BARISAN HADAPAN



Tourism
perak
MALAYSIA

SidangRedaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Anita Binti Amri
Zuriati Zainal

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

WARTAWAN

Firdaus Ehsan
Qistina Izfarina

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

BAHAGIAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK



Big Cleaning Day

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK

**SETIAP JUMAAT
JAM 3.00 PETANG
DI BAHAGIAN MASING-MASING**



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"



DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK,

Zahir Penghargaan PETUGAS BARISAN HADAPAN

IPOH, 25 OGOS 2021- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan atas khidmat dan pengorbanan mereka yang bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Titah baginda, golongan itu telah memikul tanggungjawab berat luar jangka, berada di barisan paling hadapan, menghadapi risiko jangkitan paling tinggi dan satu beban tanggungjawab yang tidak pernah terbayang oleh profesion masing-masing.

"Doktor, jururawat, petugas kesihatan dan perubatan, pemandu ambulans, pemandu van jenazah dan penggali kubur serta pengurus rumah-rumah jenazah tiba-tiba dilanda tanggungjawab luar jangka.

"Begitu juga risiko besar yang dihadapi oleh penghantar makanan, petugas-petugas di kedai runcit, di pasaraya dan di farmasi, para pengendali pengangkutan awam, para anggota pasukan keselamatan dan agensi-agensi berkaitan serta pegawai-pegawai awam di pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang mengendalikan pelbagai perkhidmatan penting.

"Mereka telah melaksanakan satu tugas fardu kifayah yang wajib dihargai, semoga Allah SWT menganugerahkan khidmat dan pengorbanan mereka dengan sebesar-besar ganjaran," titah baginda.

Baginda bertitah demikian semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Keempat Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas di Dewan Negeri, Bangunan Darul Ridzuan di sini.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut bertitah supaya kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk berdiri dan memberikan tepukan penghargaan sebagai tanda apresiasi kepada setiap petugas barisan hadapan.

Baginda turut menzahirkan penghargaan buat warga pendidik yang menghadapi cabaran berat dalam perubahan landskap andragogi dan pedagogi secara digital terutama dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berikutan COVID-19.

Titah baginda, warga pendidik, murid, ibu bapa dan pelbagai pihak yang terlibat langsung dengan pendidikan, menghadapi ujian dan cabaran berat.

"Beta menzahirkan penghargaan kepada warga pendidikan yang telah merintis segala usaha untuk memastikan murid-murid yang diamanahkan tanggungjawab ke atas bahu mereka, dapat diilmukan sebaik mungkin," titah baginda.

Dalam perkembangan sama, Mesyuarat Pertama, Tahun Keempat, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas berlangsung selama empat hari bermula 25 hingga 30 Ogos dengan mengguna pakai konsep Gelembung Persidangan Dewan Negeri.

Negeri Perak merupakan negeri pertama yang memperkenalkan konsep Gelembung Persidangan bagi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai langkah meminimumkan risiko penularan wabak dan langkah mitigasi bagi membolehkan tindakan kuarantin secara bersasar dilakukan jika berlaku jangkitan.





IPOH, 4 JULAI 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Bin Mohamad telah mengumumkan bahawa Perak dijadualkan akan menerima 688,000 dos vaksin pada bulan ini dengan 147,000 dos pertama dijangka tiba minggu depan.

"Sekiranya tiba mengikut seperti yang dijadualkan, Perak dijangka mampu merekodkan kadar suntikan antara 25,000 hingga 30,000 sehari. Kadar itu mampu dicapai memandangkan Perak kini mempunyai 101 fasiliti Pusat Pemberian Vaksin (PPV) meliputi 31 PPV awam dan hospital kerajaan serta 70 PPV klinik dan hospital swasta," kata beliau kepada media.

Menurut beliau, Perak telah merekodkan 14,402 suntikan harian pada 30 Jun lalu dan jumlah itu bertambah menjadi 15,918 pada 1 Julai dan terus meningkat pada kadar 19,341 pada 2 Julai. Momentum ini didorong oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif termasuk program jangkauan komuniti atau 'outreach' yang dilaksanakan secara agresif sejak 11 Mei lalu.

Beliau membuat pengumuman itu semasa melakukan lawatan ke Program Vaksinasi di Perkampungan Orang Asli Kampung Chadak. Sebanyak 100 dos vaksin telah diberikan kepada orang asli di sini.

Sementara itu, 120 buah rumah orang asli di Kampung Tonggang dan Kampung Sungai Suluh telah menerima bantuan sempena program agihan bantuan makanan kering dan basah.

Perak akan menerima

688,000

Dos Vaksin Bulan Ini



GLC PERAK SUMBANG 287 EKOR LEMBU KORBAN

IPOH, 14 JULAI 2021- Kerajaan Negeri Perak telah menerima sumbangan 287 ekor lembu korban yang bernilai RM1,633,682.59 daripada syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di negeri itu.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, GLC yang terlibat menyerahkan sumbangan berkenaan ialah Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI), Perbadanan Menteri Besar (MB Inc.) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP).

"Setiap 59 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), termasuklah DUN Pembangkang akan menerima sekurang-kurangnya 4 ekor lembu korban.

"Manakala, agihan lembu korban ke masjid, surau dan rumah sembelihan akan diselaraskan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang beragama Islam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Akad Penyerahan Lembu Korban Daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Perak yang dilakukan secara atas talian di Pejabat Menteri Besar, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim.

Jelas YAB Dato' Saarani bin Mohamad lagi, bagi kawasan ADUN bukan beragama Islam pula, agihan lembu korban akan diselaraskan oleh Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah dan proses serahan secara berakad kepada wakil-wakil peringkat DUN ini akan bermula pada 15 Julai 2021.

"Kita telah melakukan perbincangan dengan pihak Jabatan Mufti Negeri Perak, satu garis panduan khusus yang menumpukan aspek wakalah atau kontrak antara pihak-pihak yang terlibat akan diedarkan bagi memastikan pelaksanaan program ini berlandaskan tuntutan syarak.

"Pelaksanaan ibadah korban juga perlu mematuhi peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan seperti Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, YAB Dato' Saarani bin Mohamad turut memperingatkan rakyat Negeri Perak terutama yang beragama Islam supaya menyambut Hari Raya Aidiladha pada 20 Julai ini dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan.

**SUMBANGAN HAIWAN KORBAN 60 EKOR LEMBU
KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2021M / 1442H
DARIPADA PERBADANAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK (SSI)**

RM 289,600.00

Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lapan Sembilan Ratus Sahaja.

**SUMBANGAN HAIWAN KORBAN 40 EKOR LEMBU
KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2021M / 1442H
DARIPADA PERBADANAN MENTERI BESAR
(MBINC.)**

RM 199,600.00

Ringgit Malaysia : Seratus Sembilan Puluh Sembilan Ratus Sahaja.

**SUMBANGAN HAIWAN KORBAN 15 EKOR LEMBU
KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2021M / 1442H
DARIPADA PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI PERAK (PKNP)**

RM 73,500.00

Ringgit Malaysia : Tujuh Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Sahaja.



KERAJAAN NEGERI PERAK

SAMBUT BAIK PIKAS

IPOH, 23 JULAI 2021- Kerajaan Negeri Perak menyambut baik Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, langkah ini termasuk dalam Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang bertujuan untuk membantu mempercepatkan vaksinasi dalam kalangan rakyat, dengan mensasarkan kepada tenaga kerja dalam sektor-sektor pembuatan kritikal.

"Bagi negeri Perak, kita telah pun membuka tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Industri iaitu PPV Kompleks Sukan Proton yang mula beroperasi pada 12 Julai, PPV Convention Centre@Casuarina Meru dan PPV Sapura Fabrication Sdn. Bhd yang mula beroperasi pada 21 Julai lalu.

"PPV Convention Centre@Casuarina Meru adalah PPV Penggunaan Umum (melibatkan pusat konvensyen dan pameran termasuk hotel), manakala dua lagi iaitu PPV Kompleks Sukan Proton dan PPV Sapura Fabrication Sdn. Bhd adalah PPV On-Site (premis kilang)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas meninjau proses vaksinasi yang dijalankan di PPV Convention Centre@Casuarina Meru, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor, Dato' Shahrul Zaman bin Yahaya dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Jelas YAB Dato' Saarani Mohamad lagi, kerajaan negeri telah mengambil maklum akan isu-isu berbangkit mengenai program vaksinasi COVID-19 di negeri Perak seperti isu bekalan vaksin.

"Negeri Perak mempunyai kapasiti untuk melaksana lebih 30,000 suntikan sehari. Namun kapasiti ini tertakluk kepada bekalan vaksin. Sebelum ini negeri Perak telah dijadualkan untuk menerima 688,760 bekalan vaksin bagi bulan Julai 2021.

"Setakat ini, negeri Perak telah menerima 452,610 dos vaksin daripada 688,760 dos vaksin yang dijadualkan dan kita berharap agar dapat menerima keseluruhan jumlah yang telah dijadualkan sebelum akhir bulan ini.

"Untuk makluman juga, sehingga 21 Julai 2021 600,627 orang (iaitu 32.25% daripada jumlah penduduk Perak yang berumur 18 tahun ke atas) telah menerima dos pertama dan seramai 311,793 orang (iaitu 10.8 peratus) telah menerima dos kedua," jelasnya lagi.

Dalam perkembangan sama, Kerajaan Negeri Perak akan membuka PPV PIKAS keempat di negeri ini iaitu di St. Louis Hall, Taiping yang akan beroperasi bermula minggu hadapan.





PPV BERGERAK PENDUDUK FELDA BESOUT TERIMA DOS PERTAMA

BATANG PADANG, 24 JULAI 2021- Sebanyak 3,000 dos pertama vaksin telah diberikan kepada penduduk di kawasan Felda Besout 1, 2, 3, 4 dan 5. Program Pusat Pemberian Vaksin Bergerak (*Trailer Mobile Outreach*) Daerah Batang Padang itu telah dijalankan di Dewan Semai Bakti Felda Besout 1 bermula 22 Julai 2021 sehingga 24 Julai 2021.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Bin Mohamad berkata program ini adalah kolaborasi antara Kelab Peminat Cub Prix Malaysia bersama Safe Aim Mutual Sdn. Bhd dan Kerajaan Negeri Perak.

"Program ini adalah salah satu contoh di mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama-sama membantu merealisasikan usaha ini bagi mempercepatkan Perak beralih ke Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan menepati salah satu nilai ambang iaitu mencapai 40% vaksinasi.

Turut hadir, YB Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon, Timbalan Menteri Pendidikan II; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; Ahli Dewan Undangan (ADUN) Slim, Encik Mohd Zaidi bin Aziz dan Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Sulizmie Affendy Sulaiman.

Pada masa yang sama, seorang sukarelawan, Siti Nur Firdausli Izaimi Husna binti Mohd Aziz, 21, berkata program ini menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk di sini. Sebagai sukarelawan, mereka dapat menimba ilmu di samping membantu orang ramai.



"Sebelum menjadi sukarelawan di felda ini, kami telah dilatih di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Trolak. Semasa latihan, kami telah belajar cara untuk membantu program pemberian vaksin daripada sukarelawan yang lebih berpengalaman. Di sana, kami berjumpa dengan sukarelawan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVac) dan sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain," ujar beliau semasa ditemu ramah oleh media.

Sementara itu, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Bin Mohamad menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri Perak sentiasa bersedia untuk memberikan vaksin kepada seluruh rakyat Perak.

"Setelah saya meninjau pemberian vaksin di Tapah dan Lenggong, kita mempunyai tenaga kerja dan fasiliti yang mencukupi bagi menjayakan inisiatif pemberian vaksin kepada semua rakyat Perak. Kini, kita hanya bergantung kepada jumlah vaksin yang dihantar daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)," jelas beliau kepada media di program tersebut.



KERAJAAN NEGERI PERAK PERLUAS

PROGRAM SARINGAN KOMUNITI BERSASAR COVID-19

BATU KURAU, 25 JULAI 2021- Kerajaan Negeri Perak akan memperluaskan Program Saringan Komuniti Bersasar Covid-19 dengan menggunakan Kit Ujian Pantas Antigen (RTK-Antigen) di lokaliti yang mempunyai kadar jangkitan tinggi.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata program itu telah dimulakan bulan lalu dengan sasaran awal 2,000 ujian dan pasukan khas telah ditubuhkan untuk menjayakan program itu.

"Kita telah pun membeli kit RTK Antigen itu menggunakan Maju Perak dengan EB Holdings dan pasukan ini yang akan berada di kawasan yang menjadi sasaran, jadi kawasan yang tiada kes, tidak perlu untuk pergi.

"Kawasan yang ada kes, kita semalam telah putuskan dan insya Allah di Selama pun pasukan tersebut akan turun untuk lakukan *mass swab* untuk lokaliti-lokaliti yang bersasar seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Program *Outreach* Vaksinasi di Kompleks Mini Astaka dan kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Pondok Tanjung, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri, Mohd Akmal bin Kamarudin dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Kurau, Dato' Dr. Muhammad Amin bin Zakaria.

Ujar YAB Dato' Saarani bin Mohamad lagi, Kerajaan Negeri Perak tidak akan mencadangkan kepada kerajaan Persekutuan agar kawasan zon hijau di negeri ini dinaikkan dari Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) kepada fasa seterusnya.

"Saya tidak fikir tindakan itu baik kerana negeri Perak ini luas dan kita tidak mahu berlakunya penularan jangkitan COVID-19, akibat daripada aktiviti pergerakan keluar dan masuk negeri ini.

"Oleh itu, kita tidak berhasrat untuk memberi kebebasan kepada satu daerah atau mukim di zon hijau, kerana masih ada tempat dikenakan PKPD," ujarnya lagi.



KERAJAAN NEGERI PERAK **SEDIA STUDIO PDPR** MUDAHKAN WARGA PENDIDIK

IPOH, 28 JULAI 2021- Kerajaan Negeri Perak telah menyalurkan sebanyak RM125,000 kepada Jabatan Pendidikan Perak (JPN) bagi tujuan penyediaan studio Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di semua Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negeri.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, ia merupakan kesinambungan kepada program Tuisyen Cikgu Saarani yang telah diperkenalkan pada Februari lalu.

"Inisiatif ini bertujuan bagi membantu warga pendidik untuk menyediakan kelengkapan bagi PdPR yang kini telah menjadi norma baharu disebabkan wabak pandemik COVID-19.

"Selain daripada itu, studio tersebut juga boleh dimanfaatkan bagi sesi taklimat sukan atas talian (E-Sukan)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Program Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR) secara atas talian di Pejabat Menteri Besar, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud dan YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril bin Mohamed.

Tambah YAB Dato' Saarani bin Mohamad lagi, kerajaan negeri turut menyalurkan sebanyak RM15,000 bagi melaksanakan Majlis Sukan Sekolah Perak *eChallenge* 2021.

"*eChallenge* di bawah Majlis Sukan Sekolah- Sekolah Perak itu akan melibatkan sebanyak 24 jenis permainan sukan atas talian," tambahnya lagi.

Dalam perkembangan sama, kerajaan negeri telah melancarkan Program Tuisyen Cikgu Saarani pada 3 Februari lalu dengan tujuan membantu pelajar yang akan menduduki peperiksaan utama di negeri Perak.

Turut mendapat manfaat secara langsung daripada program tersebut ialah lebih 200,000 pelajar peperiksaan utama termasuk pelajar tingkatan satu, empat dan murid tahun satu.





Program **Kasih Ibu Darul Ridzuan** **BANTU GOLONGAN RENTAN**

IPOH, 28 JULAI 2021- Selari dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan Program Kasih Ibu Darul Ridzuan (KIDR) mulai 1 Ogos ini bagi membantu golongan rentan yang terkesan akibat wabak pandemik COVID-19 di negeri ini.

Seramai 5,097 wanita serta 20,000 tanggungan dalam kalangan golongan miskin dan miskin tegar bakal menerima bantuan ini bagi mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup. Jumlah tersebut termasuk 1,104 penerima wanita daripada komuniti Orang Asli.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Isaace John berkata, Bantuan Program KIDR diberi melalui kad tanpa tunai yang boleh digunakan untuk pembelian barangan keperluan asas dan rawatan kesihatan di klinik swasta.

"Penerima bakal mendapat kad tanpa tunai bernilai RM250 sebulan selama lima bulan untuk pembelian enam belas jenis barangan keperluan asas "Bagi bantuan rawatan kesihatan pula, penerima akan menerima nilai RM250 untuk kegunaan seluruh ahli keluarga untuk tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Program Kasih Ibu Darul Ridzuan yang dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad secara atas talian di Pejabat Menteri Besar, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini. Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim serta beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Jelas YBhg. Datuk Seri Jebasingam Isaace John lagi, peserta program KIDR telah dipilih dan disaring melalui sistem eKasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Sistem iDamak milik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), di mana mereka berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019.

"Kita telah menyerahkan kad KIDR kepada penerima bermula 19 Julai lalu di seluruh 12 daerah di negeri Perak dengan kerjasama semua Pejabat Daerah dan Tanah manakala bagi penerima Orang Asli, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan melaksanakannya.

"Sebanyak 7.4 juta telah diperuntukkan bagi fasa pertama program ini dan setiap penerima kad tanpa tunai KIDR boleh menggunakannya bagi membeli barangan keperluan dari lebih 150 buah kedai runcit yang dilantik dan mendapatkan rawatan kesihatan dari 100 buah klinik berdaftar di bawah program ini," jelasnya lagi.

Dalam perkembangan sama, diharapkan perbelanjaan oleh penerima-penerima program KIDR di kedai-kedai dan klinik-klinik panel yang dilantik akan memberi kesan limpahan ekonomi dengan menggalakkan perkembangan perniagaan runcit di kawasan tersebut.



700 NELAYAN TERIMA KOTAK BANTUAN MAKANAN

LENGGONG, 31 JULAI 2021: Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perikanan Negeri Perak akan menyalurkan kotak bantuan makanan kepada 700 nelayan darat di semua daerah negeri ini.

MAKANAN
NELAYAN DARAT
NEGERI PERAK 2021

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, kerajaan negeri sedang dalam usaha meringankan beban golongan itu yang terkesan susulan pandemik COVID-19.

"Para penerima merupakan golongan nelayan darat yang tersenarai sebagai penerima bantuan elaun sara hidup serta bergantung sepenuhnya kepada tangkapan harian untuk menyara keluarga masing-masing.

"Sasaran bantuan ini juga kepada keluarga nelayan darat yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan aktiviti mereka mencari rezeki dengan menangkap ikan di sungai dan tasik selain tidak dapat menjalankan kerja sampingan seperti kerja-kerja kampung," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Penyerahan Kotak Bantuan Makanan Nelayan Darat Negeri Perak 2021 kepada wakil nelayan darat di Pusat Pekasam Negara, Lenggong, di sini.

KOTAK BANTUAN
MAKANAN
NELAYAN DARAT
NEGERI PERAK 2021



Ujar YAB Dato' Saarani bin Mohamad lagi, kotak bantuan makanan ini akan diedarkan sepenuhnya kepada nelayan darat oleh pihak yang berkenaan.

"Jabatan Perikanan Perak dengan bantuan sokongan daripada pejabat-pejabat daerah dan pemimpin komuniti setempat akan mengedarkan kotak bantuan makanan kepada penerima-penerima yang layak.

"Kita akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak sama ada jabatan kerajaan dan swasta serta para NGO untuk sama-sama membantu meringankan beban golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19, ujarinya lagi.

Dalam perkembangan sama, kerajaan negeri telah membelanjakan hampir RM70 juta untuk pelbagai inisiatif dan bantuan sejak Februari hingga Julai tahun ini.

Ia terbahagi kepada dua perbelanjaan iaitu dalam bentuk inisiatif dan bantuan seperti kotak bantuan makanan untuk kawasan PKPD di samping untuk barisan hadapan bernilai RM46.1 juta dan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM21.9 juta.



Bangkit SEMANGAT PATRIOTISME

SEBAGAI TANDA SOLIDARITI MELAWAN COVID-19

IPOH, 11 OGOS 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Bin Mohamad menyeru kepada seluruh lapisan rakyat untuk sama-sama membangkitkan semangat patriotisme sebagai tanda solidariti kita dalam melawan musuh yang tidak kelihatan ini.

Beliau berkata demikian semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2021 yang dijalankan secara maya di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

"Setiap tahun apabila menjelang Sambutan Hari Kebangsaan, ia menyedarkan kita semula tentang pentingnya semangat patriotisme dan cinta kepada negara. Bagi saya, dalam keadaan negara yang sedang berdepan ancaman COVID-19, semangat patriotisme ini menjadi sangat penting.

"Penerapan semangat patriotisme bukan sahaja menjadi ciri penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang merdeka, tetapi juga mampu membina kerukunan jitu dalam kalangan rakyat bagi menghadapi cabaran seperti ancaman besar yang sedang kita hadapi hari ini.

"Jalur Gemilang melambangkan kesetiaan dan kesatuan kita sebagai rakyat Malaysia. Marilah kita sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kebangsaan ini dengan mengibar jalur gemilang di rumah, di bangunan pejabat, bangunan perniagaan bahkan di kenderaan kita," jelas beliau.

Beliau juga turut mengalu-alukan rakyat Perak menyertai aktiviti pertandingan seperti Pertandingan Pidato Hari Kebangsaan, Keceriaan Bulan Kebangsaan, Kahoot-Kuiz Online, Bintang Patriotik Smule, Teka Silang Kata Online, Selebriti Merdeka PerakFM dan Kuiz Kemerdekaan PerakFM. Bukan itu sahaja, terdapat juga program berilmu termasuklah Program Bicara Kemerdekaan secara atas talian dan *Info on Wheels* Merdeka. Segala maklumat aktiviti akan disebarkan melalui Facebook Jabatan Penerangan Negeri Perak dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Turut hadir YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-undang Negeri, Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, Encik Khairul Shahril Bin Mohamed serta Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan YBrs. Pengarah Penerangan Negeri Perak, Tuan Mohd Taib Bin Haji Ubah.

Dalam masa yang sama, YAB Menteri Besar turut menzahirkan rasa simpati atas berita duka kematian ahli keluarga, rakan-rakan, jiran-jiran serta kenalan terdekat. Malah, kepada peniaga-peniaga kecil yang masih bergelut akibat terputus mata pencarian serta anak-anak yang terpisah dari alam persekolahan berbulan-bulan lamanya disebabkan wabak penyakit COVID-19 ini.

"Pada masa ini, program vaksinasi dilihat satu-satunya jalan untuk membawa kita keluar dari krisis ini. Setiap daripada kita punya peranan untuk mencapai matlamat imuniti berkelompok. Pastikan setiap ahli keluarga, sahabat handai, jiran tetangga atau sesiapa sahaja kenalan kita berusaha bersama-sama untuk capai misi ini," ujar beliau dalam ucapannya.





KERAJAAN NEGERI PERUNTUK RM1.8 JUTA BANTU SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA (SUWA)

IPOH, 18 OGOS 2021- Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan sebanyak RM1.8 juta untuk diagihkan kepada sembilan (9) Sekolah Persendirian Cina (SUWA) bagi membantu dan mengurangkan kekangan kewangan pengurusan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah tersebut.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad berkata, bantuan ini adalah sebahagian daripada peruntukan sebanyak RM8.1 juta kepada pelajar Sekolah Kebangsaan, Sekolah Mubaligh, Sekolah Vernakular dan SUWA Negeri Perak yang telah diumumkan dalam Bajet Perak 2021 sebelum ini.

"Antara 9 buah sekolah SUWA yang terlibat ialah, Sekolah Menengah Shen Jai; Sekolah Menengah Yuk Choy dan Sekolah Menengah Poi Lam yang berada di Ipoh.

"Selain itu Sekolah Menengah Nan Hwa, Ayer Tawar; Sekolah Menengah Yik Ching, Pantai Remis; Sekolah Menengah Pei Yuan, Kampar; Sekolah Menengah Tsung Wah, Kuala Kangsar; Sekolah Menengah San Min, Teluk Intan dan Sekolah Tinggi Hua Lian, Taiping," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Bantuan SUWA Negeri Perak di Pejabat Menteri Besar, Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.



Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri, Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud dan Setiausaha Khas YAB Menteri Besar Perak (Kaum Cina), Encik Chong Shin Heng.

Jelas YAB Dato' Saarani bin Mohamad lagi, dengan bantuan ini, setiap SUWA berkenaan akan menerima peruntukan sebanyak RM200,000 dan bakal memberi manfaat kepada kira-kira 10,000 guru dan pelajar SUWA seluruh negeri Perak.

"Dalam suasana pandemik COVID-19 yang menjejaskan sistem persekolahan sejak hampir dua tahun, peruntukan ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu pihak pengurusan sekolah untuk membiayai program pendidikan demi kebaikan guru dan pelajar.

"Ini adalah komitmen berterusan kerajaan negeri sejak bertahun-tahun untuk membantu sekolah-sekolah persendirian selain meluluskan remitan cukai tanah dan tunggakan cukai tanah pada kadar normal RM 10 per lot setahun," jelas YAB Dato' Saarani Mohamad.

IPOH, 30 Ogos 2021 – Perak mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Tambahan berjumlah RM34.6 juta, tambahan kepada dua pakej PRE terdahulu yang melibatkan implikasi kewangan RM200 juta.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani Mohamad berkata, kerajaan negeri sangat memahami kesusahan rakyat yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19.

"Menyedari situasi pandemik ini yang masih mencengkam kehidupan segenap lapisan rakyat dan keperluan untuk memulihkan semula ekonomi rakyat, suka saya mengumumkan 16 inisiatif tambahan yang melibatkan RM34.8 juta," katanya ketika menggulung perbahasan di Dewan Negeri Perak di sini.

Menurutnya, antara inisiatif itu ialah bantuan *one-off* kepada 4,000 mahasiswa anak Perak berjumlah RM400,000.

Katanya, bantuan itu dipecahkan kepada kepada dua kategori bantuan iaitu 2,000 penerima bagi bantuan kewangan umum secara *one-off* sebanyak RM150 seorang dan pengenalan insentif baharu melibatkan baucar tebus tiket pengangkutan awam sebanyak RM50 kepada 2,000 penerima.

"Bantuan ini secara tidak langsung akan dapat membantu kira-kira 4,000 mahasiswa anak Perak daripada keluarga B40 dan M40 yang memenuhi pra syarat yang ditetapkan untuk persediaan kemasukan Oktober 2021," ujarnya.

Ujar Dato' Saarani Mohamad lagi, bantuan terbaharu itu juga melibatkan bantuan tambahan kepada Maahad Tahfiz berjumlah RM3.5 juta seperti bantuan pengurusan sama rata RM10,000 kepada setiap 144 buah Maahad Tahfiz, melibatkan peruntukan RM1.44 juta.

Di samping itu, ujarnya, turut terdapat bantuan tambahan pengurusan berasaskan bilangan pelajar dengan kadar per kapita RM200 seorang melibatkan 5,291 pelajar, dengan jumlah peruntukan RM1,058,200 dan bantuan *one-off* RM1,000 bagi setiap 819 orang guru, dengan jumlah peruntukan RM819,000.

Menurutnya, sumbangan juga diberikan kepada Persatuan Maahad Tahfiz AlQuran Negeri Perak (PEMATAP) berjumlah RM182,800.

"Peruntukan yang disebutkan ini adalah sebagai tanda keprihatinan kerajaan negeri terhadap rintihan yang tular di media massa mengenai nasib sekolah Maahad Tahfiz yang dilaporkan menghadapi masalah kewangan akibat pandemik COVID-19," jelasnya.

"Bantuan ini secara tidak langsung akan dapat membantu kira-kira 4,000 mahasiswa anak Perak daripada keluarga B40 dan M40 yang memenuhi pra syarat yang ditetapkan untuk persediaan kemasukan Oktober 2021,"

KERAJAAN NEGERI PERAK UMUM

**RM34.6 JUTA
PRE TAMBAHAN**





**YANG DIPERTUA
DEWAN NEGERI PERAK**

RAKAM UCAPAN TERIMA KASIH, DUN BERAKHIR TANPA INSIDEN COVID-19

IPOH, 30 Ogos 2021- Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerana berjaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Katanya, sidang DUN yang berlangsung pada 25 Ogos dan berakhir hari ini juga dapat dilaksanakan dengan sempurna, tanpa berlakunya sebarang insiden jangkitan COVID-19.

"Saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Mesyuarat Pertama Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Keempat Belas telah berjaya dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

"Di sebalik cabaran mendepani pandemik COVID-19 yang sedang merebak pada kadar yang agak membimbangkan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan gelembung sidang DUN buat julung-julung kalinya tahun ini.

"Saya juga turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dalam setiap usaha dan kerjasama yang telah diberikan.

"Termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Majlis Keselamatan Negara Negeri Perak dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan gelembung Persidangan Dewan Negeri Perak," katanya lagi.



YAB MENTERI BESAR **ZAHIR SEMANGAT**

KEPADA PETUGAS DI PKPD TAMAN SAMUDERA, SERI MANJUNG

MANJUNG, 10 SEPTEMBER 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad melakukan tinjauan ke Taman Samudera Seri Manjung yang telah dikenakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 5 September 2021 hingga 18 September 2021.

Turut mengiringi beliau dalam operasi tinjauan itu adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri, Encik Mohd Akmal bin Kamarudin dan Pegawai Daerah Manjung, Encik Shamsul Ridzuan bin Idris.

Lawatan itu bertujuan untuk menzahirkan rasa sokongan dan memberi semangat kepada para petugas yang bertungkus-lumus menjamin keselamatan penduduk dalam memutuskan rantai COVID-19. PKPD ini membabitkan lebih 10, 000 penduduk daripada 2,260 kediaman di mana jalan utama, Jalan Dato' Yu Neh Huat ditutup.

Dalam masa yang sama, YAB Dato' Saarani bin Mohamad turut sempat melawati Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Barangan di Dewan Badminton Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Barangan tersebut disumbangkan oleh pelbagai pihak menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pengagihan dibuat oleh beberapa agensi berkaitan seperti Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Pejabat Daerah dan Tanah Manjung.



Program Dialog Belanjawan Perak Darul Ridzuan 2022

IPOH, 20 SEPTEMBER 2021- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad telah mempengerusikan Program Dialog Belanjawan 2022 Perak Darul Ridzuan di Bilik Gerakan, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Dalam sesi dialog tersebut, YAB Dato' Saarani bin Mohamad telah mengadakan perbincangan bersama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Pejabat Kewangan Negeri (PKN) mengenai Cadangan Pembangunan Negeri Perak 2022.

Selain itu, kedudukan kewangan negeri turut dibincangkan dengan mengambil kira pelbagai sudut sebelum Belanjawan 2022 Negeri Perak dibentangkan.

Program dialog tersebut dimulakan dengan Pembentangan Kedudukan Kewangan Semasa Negeri Perak oleh YBrs. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Cik Aida Hazlyn binti Hassan dan diteruskan dengan Pembentangan Cadangan Pelan Pembangunan Negeri Tahun 2022 oleh YBrs. Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Puan Halizah binti Sipun.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-undang Negeri, Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan; Barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ketua-ketua jabatan dan agensi.

Dalam perkembangan sama, kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) juga turut serta dalam program dialog tersebut secara atas talian bagi memberi ruang kepada mereka untuk sesi soal jawab dan perkongsian idea mengenai Cadangan Pembangunan Negeri Perak 2022.



KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

DI SELURUH PERAK SECARA SERENTAK

IPOH, 1 OGOS 2021- Lebih 10,000 bendera Jalur Gemilang diedarkan serentak di seluruh Perak sempena Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Tahun 2021.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril bin Mohamed di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Lalu, Stadium Indera Mulia.

"Pada pagi ini, kita telah mengagihkan beg cenderahati termasuk bendera tangan, bendera besar yang boleh digantung di rumah serta pelekat magnet bendera Jalur Gemilang yang boleh ditampal di kenderaan masing-masing.

"Ini bertepatan dengan konsep 'Malaysia Prihatin' dan norma baharu. Ia juga seiring dengan pelaksanaan Program Vaksinasi Peringkat Negeri Perak. Kempen ini diperluaskan lagi dengan mengedarkan Jalur Gemilang di Sekatan Jalan Raya (SJR). Tidak kira apa yang terjadi, kita ingin tanamkan semangat cintakan negara," ujar beliau.

Tambah beliau, terdapat juga pengisian lain untuk kempen ini. Antaranya, pertandingan pidato, nyanyian, keceriaan serta sajak. Program ini akan dijalankan secara maya susulan pandemik COVID-19.

"Kami juga akan menjayakan kempen ini di pekarangan premis dan kawasan perumahan menggunakan kenderaan bergerak sambil menyanyikan lagu kemerdekaan. Warga penduduk atau pekerja di premis boleh keluar sambil mengibarkan Jalur Gemilang di pekarangan kawasan masing-masing untuk mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP)," kata beliau.

Beliau menegaskan semangat kemerdekaan ini tidak boleh luntur di dalam hati setiap masyarakat.

"Kami juga mengaluakan rakyat Malaysia yang bersolidariti mengibarkan bendera Palestin tetapi biarlah ia seiring dengan mengibarkan Jalur Gemilang juga," jelasnya lagi.

Hadir sama, YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi Bin Baharin; Ketua Polis Perak, YDH CP Dato' Pahlawan Mior Faridalathrash Bin Wahid; YBrs. Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Perak, Tuan Haji Mohd Taip bin Ubah; dan Pegawai Daerah Kinta, Encik Meor Hezbullah bin Meor Abdul Malik yang turut bersama mengedarkan Jalur Gemilang kepada orang ramai yang mengambil vaksin secara pandu lalu pada hari ini.





CEK BANTUAN SUMBANGAN KEBAJIKAN BEKAS ATLET NEGERI PERAK

IPOH, 3 OGOS 2021- YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril bin Mohamed menyampaikan cek bantuan sumbangan kebajikan bekas atlet negeri Perak.

Seramai dua orang bekas atlet negeri Perak menerima sumbangan tersebut di bawah Program Majlis Sukan Negeri Perak (MSN).

Penerima pertama merupakan Puan Rajiah Baegum binti R Abdul Hamid yang telah mewakili negeri Perak dalam sukan hoki wanita dengan pengalaman hampir 10 tahun. Beliau menerima sumbangan cek bantuan kebajikan sebanyak RM3,000 bagi membantu beliau meneruskan kelangsungan hidup.

Puan Rajiah Baegum binti R Abdul Hamid seorang penghidap penyakit kulit, sendi dan hati merupakan bekas atlet Perak yang pernah mengharumkan nama negeri dalam pelbagai pertandingan antaranya Malaysia Women's Hockey Championships Interstate 1978, Pesta Pulau Pinang 7 Side 1979 (johan), Sri Lanka Friendly Match At Selangor Club Padang 1980 dan Pesta Pulau Pinang 7 Side 1981 (kedua).

Penerima kedua merupakan Puan Normadiah binti Abdullah yang telah mewakili pasukan Petanque Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) Perak. Beliau yang menghidapi penyakit angin ahmar pernah mewakili Malaysia pada tahun 2005, 2007 dan 2009 dalam Temasya Sukan Sea.

Beliau juga pernah menjadi jurulatih dan pemain bagi Pasukan Petanque Kementerian Kesihatan Negeri Perak.

Semoga bantuan sumbangan kebajikan tersebut dapat meringankan sedikit beban kedua-dua bekas atlet itu dalam mengharungi wabak pandemik COVID-19 ketika ini.





KOMPLEKS TM TAIPING MENJADI

PPV INTEGRASI SWASTA

PERTAMA DI PERAK

TAIPING, 2 SEPTEMBER 2021- Telekom Malaysia Berhad (TM) baru-baru ini telah mengumumkan pembukaan kemudahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di premis miliknya di Kompleks TM Taiping.

Pengurus Besar, Kawal Selia dan Keterlibatan Negeri, TM Perak, Encik Badrul Hisham Bahari berkata, Kompleks TM Taiping menjadi PPV integrasi swasta yang pertama di negeri tersebut dan telah memulakan operasinya pada pertengahan bulan Ogos 2021.

"Ini merupakan premis ketiga milik TM yang diubah menjadi sebuah PPV dalam usaha menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) selepas PPV Mega Integrasi di Kampus MMU Cyberjaya dan PPV di Kampus MMU Melaka.

"Kami amat gembira apabila berpeluang untuk memberikan sokongan bagi mempercepatkan program imunisasi di Perak dengan pembukaan Kompleks TM Taiping sebagai sebuah PPV," katanya.

Beliau berkata demikian melalui siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Komunikasi Strategik Kumpulan Telekom Malaysia Berhad pada 1 September lalu.

Ujar Encik Badrul Hisham Bahari lagi, kini kita telah berada di landasan yang tepat ke arah mencapai imuniti kelompok dan TM akan terus menyokong sepenuhnya pelan pemulihan kerajaan di samping memastikan rakyat Malaysia kekal terhubung dan terus disokong sepanjang setiap fasa pelan pemulihan ini.



"Sebagai pemacu digital Malaysia, kami akan terus menyokong semua segmen pelanggan kami meliputi kediaman, perniagaan, industri, serta sektor awam dengan perkhidmatan sambungan dan infrastruktur digital dan penyelesaian ke arah pemulihan ekonomi."

"Pada hari pertama ia beroperasi, PPV tersebut telah menerima kunjungan daripada delegasi Pegawai-Pegawai Negeri Perak, diketuai oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri, Encik Mohd Akmal Kamaruddin, dan disertai oleh Encik Mohamed Akmal Dahalan, Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama (LMS)," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, PPV di Kompleks TM Taiping ini berupaya menampung pemberian vaksin sehingga 1,800 dos sehari.

Selain ruang Dewan Rumpun Seri, Dewan Kemboja dan tempat letak keretanya yang luas di premis itu, PPV tersebut turut dilengkapi dengan sambungan jalur lebar berkelajuan tinggi unifi untuk kemudahan pengunjungnya.





MAJLIS PENYAMPAIAN PERTANDINGAN KECERIAAN HADIAH BAGI MERDEKA SEMPERA SAMBUTAN BULAN **KEBANGSAAN** TAHUN 2021

IPOH, 7 SEPTEMBER 2021- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan Keceriaan Merdeka sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2021.

Dalam pertandingan berkenaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri telah menjadi Johan dan diwakili oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Puan Halizah binti Sipun yang telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500.

Manakala, Naib Johan telah disandang oleh Pejabat Kewangan Negeri Perak yang diwakili oleh Penolong Pegawai Kewangan Negeri, Encik Khairul Amir bin Jamal. Bagi tempat ketiga, dimenangi oleh Bahagian Kerajaan Tempatan yang diwakili oleh Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Puan Mufidah binti Mahfodz.

Naib Johan dan penyandang tempat Ketiga masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 dan RM700. Gambar terbaik hiasan bahagian dan sijil penyertaan juga telah disampaikan kepada setiap pemenang bahagian.

Pertandingan anjuran Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak ini telah disertai oleh setiap bahagian di Bangunan Perak Darul Ridzuan bertujuan untuk mewujudkan suasana kemerdekaan dengan hiasan dekorasi yang kreatif dan inovatif serta memupuk semangat kemerdekaan di kalangan warga kerja.

Turut hadir, YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman dan Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Korporat, Puan Zuriati binti Zainal. Majlis ini telah diadakan secara ringkas bertepatan dengan norma baharu di Bangunan Perak Darul Ridzuan.





BELIA SAMBUT BAIK PENDAFTARAN SUKARELAWAN



MALAYSIA VACCINE SUPPORT VOLUNTEERS

IPOH, 12 SEPTEMBER 2021- Pendaftaran untuk menjadi sukarelawan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVAC) adalah amat memberangsangkan meski pun tugas ini dikategorikan sebagai berisiko.

YB Menteri Belia dan Sukan, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu telah mengumumkan perkara itu semasa mengadakan Sesi Perjumpaan Bersama Sukarelawan MyVAC dan petugas-petugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Indera Mulia pada hari ini.

"Sehingga 2 September 2021, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara telah menugaskan seramai 8,187 orang sukarelawan bukan kesihatan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVAC) yang melibatkan 417 buah PPV di seluruh negara.

"Angka ini sentiasa bertambah dari semasa ke semasa selari dengan pembukaan Pusat-Pusat Pemberian Vaksin baharu yang sememangnya memerlukan khidmat sukarelawan bukan kesihatan, MyVAC sebagai salah satu anggota sokongan dalam membantu negara mencapai imuniti kelompok.

"Di negeri Perak, saya dimaklumkan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak telah menugaskan seramai 979 orang sukarelawan di 25 buah Pusat Pemberian Vaksin seluruh negeri. PPV Stadium Indera Mulia mempunyai jumlah petugas sukarelawan MyVAC paling ramai di negeri Perak iaitu seramai 45 orang sehari dengan purata sebanyak 3,000 dos sehari," jelas beliau.

Menurut beliau, kementerian juga telah memperkenalkan MyVAC @ Sportsindustry bagi membantu para pekerja industri yang terjejas akibat pandemik ini. 1,000 slot MyVAC dikhususkan kepada para pekerja penggiat industri sukan yang berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (CIMS) dengan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi pelaksanaan inisiatif ini.

Pada sesi lawatan tersebut, beliau turut berkesempatan untuk menyampaikan Kit Sanitasi kepada Ketua PPV Stadium Indera Mulia dan wakil-wakil petugas barisan hadapan.

Hadir sama, YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Dato' Dr. Hajah Wasitah Mohd Yusof; YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril Bin Mohamed; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Puan Nor Sham binti Rahman serta Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, Encik Mohd Soufi Mohd Ibrahim;





MESYUARAT PERHUBUNGAN KETUA JABATAN NEGERI & PERSEKUTUAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

2/2021



IPOH, 24 SEPTEMBER 2021- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah mempengerusikan Mesyuarat Perhubungan Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Negeri Perak Bil 2/2021 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Mesyuarat tersebut telah diadakan secara hibrid dengan penglibatan lebih 200 ketua jabatan negeri dan persekutuan termasuk pegawai-pegawai daerah dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Perak.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Tuan Azmi Shah Bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman serta YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Puan Halizah binti Sipun.





KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Tebing Tinggi,
Rantau Panjang, Perak.
11 KM dari Bandar Selama
(5.206266447792533, 100.78134488892887)

Lata Tebing Tinggi



Lata Rambung

KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Rambung,
Sungai Siputeh Selama,
Mukim Hulu Selama, Perak.
20 KM dari Bandar Selama
(5.259159251263169, 100.84368821734097)

Lata Damak

KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Damak,
Mukim Hulu Selama, Perak.
20 KM dari Bandar Selama
(5.238816288461849, 100.79300723268378)


KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Panggung,
Mukim Hulu Ijok, Selama, Perak.
25 KM dari Bandar Selama
(5.153579024622253, 100.81661741584004)

Lata Panggung



IKON KE-12 PELANCONGAN NEGERI PERAK

Moh Kenali

7 Lata SELAMA

Lata Puteh

KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Puteh,
Mukim Hulu Ijok, Selama, Perak.
30 KM dari Bandar Selama
(5.153962455113365, 100.88526283682229)

Lata Buluh

KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Buluh,
Mukim Hulu Ijok, Selama, Perak.
30 KM dari Bandar Selama
(5.1293439843663276, 100.87752829776474)



Lata Titi Dua

KEISTIMEWAAN :



LOKASI :

Lata Titi Dua,
Mukim Hulu Ijok, Selama, Perak.
33 KM dari Bandar Selama
(5.160519639407557, 100.89527046451134)



Sumber : Majlis Daerah Selama



Scan Me!